

# Diplomat AS setuju definisi keganasan Mahathir

UM 20 APR 2002

KUALA LUMPUR 19 April - Seorang diplomat Amerika Svarikat (AS) bersetuju dengan definasi keganasan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa serangan yang sengaja ke atas orang awam termasuk terhadap penduduk Palestin oleh Israel adalah satu bentuk keganasan.

Kaunselor Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat di sini, Karl Stoltz berkata, takrifan itu boleh diguna pakai dalam semua keadaan bagi mengelakkan keganasan dilakukan oleh mana-mana pihak.

Justeru, menurutnya, dalam perkembangan kri-

sis di Timur Tengah kini, Israel perlu menarik keluar tenteranya dari bumi Palestin kerana ia merupakan tindakan keganasan.

"Israel dan pihak berkuasa Palestin perlu mengadakan rundingan demi keamanan dan kesejahteraan rakyat awam di kedua belah pihak," katanya pada majlis penutupan pameran foto 'Selepas 11 September: Imej dari Ground Zero' di sini, hari ini.

Kesemua gambar diambil oleh jurugambar terkenal, Joel Meyerowitz.

Majlis itu diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia dan turut dihadiri

oleh ketua pengarahnya, Zawiyah Baba.

Menurut Stoltz, keganasan yang berlaku pada hari ini tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama atau warna kulit.

Ini kerana, kata beliau, semasa berlaku kejadian serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 September tahun lalu, ramai orang Islam tampil membantu orang bukan Islam dan begitu juga sebaliknya.

Pada majlis itu, Stoltz menyampaikan hadiah kepada para pemenang acara kuiz dan slogan yang diadakan bersempena dengan pameran itu.

Bob Arisandi Nordin,

17, muncul juara kategori 13 hingga 17 tahun dengan slogan: 'Kesedihan dan kekesalan menimpa apabila manusia yang tidak bersalah diambil sebagai gantirugi kekejaman'.

Pemenang untuk kategori 18 tahun ke atas pula dimenangi oleh Fazlisyah Mohd. Yusof dari Petaling Jaya. Kedua pemenang menerima alat pembantu peribadi digital (PDA).

Pemenang lain pula menerima hadiah seperti buku dan setem kenangan bertemakan Islam yang pertama kali dicetak oleh perkhidmatan pos AS.